

# **Sejauh manakah Faktor Keluarga Dapat Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Bahasa Inggeris**

**AZIZI YAHAYA**  
**Jabatan Asas Pendidikan**  
**Fakulti Pendidikan**  
**Universiti Teknologi Malaysia**  
**Skudai, Johor.**

---

## **Pendahuluan**

Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) digubal dengan tujuan memberi peluang kepada pelajar untuk mengembangkan potensi mereka secara menyeluruh dari segi jasmani, rohani, intelek, emosi dan psikomotor (Saedah, 1993). Penguasaan bahasa oleh pelajar sangat ditekankan dalam kurikulum tersebut. Mata pelajaran Inggeris merupakan salah satu mata pelajaran wajib selain Bahasa Malaysia yang merupakan bahasa Kebangsaan negara kita. Dalam konteks kurikulum, bahasa Inggeris bertujuan membekalkan pelajar kemahiran supaya dapat menggunakannya sebagai saluran untuk memperoleh ilmu pengetahuan yang berguna dan relevan kepada kehidupan seharian.

Bahasa Inggeris merupakan bahasa antarabangsa yang menjadi bahasa penghantar utama bagi pelbagai maklumat masa kini. Oleh itu, penguasaan bahasa Inggeris amat penting bagi para pelajar pada masa kini. Akan tetapi, pencapaian mata pelajaran bahasa Inggeris masih kurang memuaskan. Malahan terdapat banyak kritikan dari kalangan masyarakat tempatan mahupun luar negara bahawa pelajar Malaysia lemah dalam penguasaan bahasa Inggeris. Di samping itu, ramai pelajar menghadapi kesusahan dalam pelajaran di institusi pengajian tinggi mereka kerana kebanyakan buku teks dan buku rujukan yang berkaitan adalah dalam bahasa Inggeris. Malahan ketika pelajar-pelajar berkaitan melibatkan diri dalam pekerjaan, mereka menghadapi masalah berkomunikasi secara bertulis dan lisan dengan orang lain.

Walaupun banyak usaha telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan prestasi mata pelajaran bahasa Inggeris, tetapi keputusan akademik tetap menunjukkan pencapaiannya rendah. Kelemahan penguasaan bahasa Inggeris ini bukan lagi suatu isu baru tetapi sering diperkatakan. Kajian-kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti punca kelemahan pelajar dalam bidang ini juga banyak dilakukan tetapi kebanyakannya adalah memfokuskan kepada faktor tanggapan pelajar terhadap bahasa Inggeris, minat, tabiat belajar, kecerdasan dan sebagainya. Maka, kajian ini akan memberi fokus kepada faktor keluarga di mana keluarga juga memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi pencapaian pelajaran akademik pelajar (Jalim, 1999; Sainah, 1996).

## **LATAR BELAKANG MASALAH**

Mata pelajaran bahasa Inggeris merupakan mata pelajaran teras baik di sekolah rendah ataupun sekolah menengah. Mempelajari bahasa Inggeris adalah penting kerana ia merupakan bahasa antarabangsa yang luas penggunaannya di kalangan masyarakat antarabangsa. Penguasaan bahasa Inggeris dapat memberi satu saluran untuk mempelajari ilmu pengetahuan sains dan teknologi, kebudayaan, falsafah, kesusasteraan dari bangsa-bangsa yang berbeza-beza. Maka penguasaan bahasa Inggeris dengan baik memberi keuntungan yang banyak kepada seseorang. Memandangkan kepentingan bahasa Inggeris ini, haruslah keluarga memberikan sokongan penuh dan mengamalkan sikap yang positif terhadap pembelajaran bahasa Inggeris pelajar.

Sejak kebelakangan ini, sering didengari bahawa terdapatnya kemerosotan mata pelajaran bahasa Inggeris di kalangan pelajar kita. Kemerosotan ini sering dikaitkan dengan sikap mereka seperti tidak berminat atau dengan mengatakan bahasa Inggeris itu susah. Sebenarnya, faktor keluarga juga memainkan peranan yang sangat penting berkaitan dengan kemerosotan tersebut. Bagaimana sikap, bimbingan, ekonomi, latar belakang pendidikan dan minat keluarga terhadap pembelajaran pelajar juga amat mempengaruhi pencapaian pelajar di sekolah. Oleh itu, kajian ini cuba meninjau sejauh mana faktor keluarga memberi kesan terhadap pencapaian mata pelajaran bahasa Inggeris.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Puluhan ribu pelajar di Malaysia hari ini mengikuti mata pelajaran bahasa Inggeris. Mereka belajar bahasa Inggeris sejak pendidikan pra-sekolah sampailah ke sekolah menengah. Malahan, di institusi pendidikan tinggi pula, bahasa Inggeris dijadikan salah satu mata pelajaran umum yang wajib diambil oleh pelajar. Di samping itu, banyak buku-buku teks dan rujukan juga ditulis dalam bahasa Inggeris. Namun, masalah kelemahan bahasa Inggeris pelajar masih lagi menjadi isu yang diperdebatkan. Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Muhammad pernah mengatakan bahawa kelemahan penguasaan bahasa Inggeris pelajar bukanlah disebabkan kekurangan kemampuan tenaga pengajar dan fasiliti yang disediakan oleh pihak kerajaan, tetapi pelajar sendirilah yang menjadi punca masalah ini. Sikap dan tingkah laku pelajar terhadap pelajarannya memang merupakan faktor-faktor yang penting dalam mempengaruhi pencapaian akademik mereka.

Dalam usaha membantu pelajar membina sikap dan amalan tingkah laku yang sihat dan positif terhadap mata pelajaran bahasa Inggeris, keluarga hendaklah memainkan peranan untuk membimbing dan mendorong pelajar ke arah sikap dan amalan tingkah laku yang positif. Banyak kajian menunjukkan bahawa terdapat kesan yang besar dan berpanjangan apabila pembelajaran pelajar mendapat sokongan dan peneguhan daripada pihak ibu bapa.

## **REKA BENTUK KAJIAN**

Kajian yang dijalankan adalah bersifat deskriptif di mana borang soal selidik digunakan untuk melihat persepsi pelajar terhadap beberapa aspek keluarga dalam pembelajaran bahasa Inggeris mereka. Aspek-aspek tersebut akan dilihat dari segi pengaruh faktor ekonomi, pendidikan, bimbingan, sikap dan minat keluarga ke atas pencapaian pelajar.

## **PERSAMPELAN**

Sampel atau responden akan dipilih secara rawak dari pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Kulai Besar, Taman Universiti, dan Sekolah Menengah Ulu Thiram Johor. Seramai 130 orang pelajar dipilih secara rawak dari berbagai kaum dan jantina.

## **ANALISIS DATA**

Semua data-data yang diperolehi dari soal selidik dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) for Windows. Kajian secara deskriptif dan korelasi Pearson digunakan untuk menentukan hubungan antara faktor keluarga dan pencapaian mata pelajaran bahasa Inggeris.

Skala Likert 5-poin digunakan dalam instrumen ini. Pilihan-pilihan jawapan adalah : 1. Amat tidak setuju (ATS); 2. Tidak setuju (TS); 3. Tidak Pasti (TP); 4. Setuju (S) dan 5. Amat Setuju (AS). Pengkategorian Skala Likert dibuat untuk memudahkan penganalisan data

## ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN

### KEPUTUSAN DESKRIPTIF

Rajah 1 menunjukkan taburan keputusan peperiksaan bahasa Inggeris bagi sampel kajian. Sampel kajian dapat dikategorikan kepada 5 kumpulan mengikut keputusan peperiksaan akhir tahun 2000 mereka iaitu keputusan A sebagai pencapaian cemerlang, B sebagai pencapaian baik, C adalah pencapaian sederhana manakala D dan E ditakrifkan sebagai pencapaian lemah.

Jadual berikut membentangkan taburan keputusan bahasa Inggeris yang diperolehi dari peperiksaan akhir tahun 2000.

**Rajah 1: Taburan Keputusan Bahasa Inggeris Peperiksaan Akhir Tahun 2000**

Gred	Kumpulan	Frekuensi	Peratus
<b>B</b>	<b>Baik</b>	<b>3</b>	<b>10</b>
<b>C</b>	<b>Sederhana</b>	<b>14</b>	<b>46.7</b>
<b>D, E</b>	<b>Lemah</b>	<b>13</b>	<b>43.3</b>

(sila rujuk Lampiran untuk analisis lengkap)

Daripada jadual di atas, didapati bahawa pelajar-pelajar sekolah ini mempunyai pencapaian dalam bahasa Inggeris yang berbeza-beza. Tiada seorang pun yang memperolehi keputusan cemerlang. Terdapat 10 peratus daripada pelajar-pelajar yang mencapai keputusan baik, 46.7 peratus yang lain mendapat keputusan sederhana, manakala 43.3 peratus lagi mencapai gred lemah.

#### 4.2.1. Faktor Ekonomi Keluarga

Rajah 2 menunjukkan taburan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai bagi setiap item di bawah faktor ekonomi keluarga dalam soal selidik. Didapati bahawa kebanyakan item mempunyai rata-rata min yang sederhana iaitu berkisar di antara nilai 1.8000 sampai dengan 3.3667. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pilihan responden adalah amat tidak setuju, tidak setuju dan tidak pasti. Sementara itu, pilihan setuju dan amat setuju jarang dipilih oleh para responden.

**Rajah 2: Taburan Kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai setiap item mengikut faktor ekonomi keluarga**

Item-item	Pilihan					Min	Sisihan piawai
	ATS	TS	TP	S	AS		
<b>1. Saya tidak dapat memberikan tumpuan kepada pelajaran bahasa Inggeris kerana masalah kewangan.</b>	<b>7</b>	<b>17</b>	<b>3</b>	<b>3</b>	<b>0</b>	<b>2.0667</b>	<b>0.8683</b>
6. Pelajaran bahasa Inggeris saya merosot kerana ibu bapa saya tidak mampu membiayai persekolahan saya.	11	10	2	7	0	2.1667	0.8683
11. Pencapaian bahasa Inggeris saya kurang memberangsangkan kerana keluarga tidak mampu menyediakan keperluan pembelajaran yang cukup.	7	12	4	7	0	2.3667	1.0981

16. Pencapaian bahasa Inggeris saya kurang memuaskan kerana sering tidak hadir ke sekolah disebabkan ibu bapa sering mengajak bekerja bersamanya.	15	9	4	1	1	1.8000	1.0306
21. Saya tidak diberikan wang saku yang mencukupi setiap kali ke sekolah	3	5	2	17	3	3.3667	1.2726

**Rajah 3 menunjukkan taburan skor responden mengikut faktor ekonomi keluarga. Didapati bahawa 13 orang responden memilih jawapan rendah dan 17 orang responden memilih jawapan sederhana. Tiada seorang pun yang memilih jawapan tinggi dalam faktor ekonomi keluarga ini. Ini menunjukkan bahawa responden tidak menganggap bahawa keadaan ekonomi keluarga berhubung kait dengan pencapaian mata pelajaran bahasa Inggeris mereka.**

**Rajah 3: Taburan Skor Responden Mengikut Faktor Ekonomi Keluarga**

Skor	Bilangan	Peratus
<b>Rendah</b>	<b>13</b>	<b>43.3</b>
<b>Sederhana</b>	<b>17</b>	<b>56.7</b>
<b>Tinggi</b>	<b>0</b>	<b>0</b>

#### 4.2.2. Faktor Pendidikan Keluarga

**Rajah 4 menunjukkan taburan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai bagi setiap item di bawah faktor pendidikan keluarga dalam soal selidik. Didapati bahawa kebanyakan item mempunyai rata-rata min yang sederhana iaitu berkisar di antara nilai 1.9667 sampai dengan 2.9667. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pilihan responden adalah amat tidak setuju, tidak setuju dan tidak pasti.**

**Rajah 4: Taburan Kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai setiap item mengikut faktor pendidikan keluarga**

Item-item	Pilihan					Min	Sisihan piawai
	ATS	TS	TP	S	AS		
2. Ibu bapa saya tidak berpelajaran oleh itu mereka tidak dapat membimbing saya dalam menyelesaikan kerja-kerja rumah yang diberikan oleh guru bahasa Inggeris.	6	11	5	6	2	2.5667	1.2229
7. Ibu bapa saya tidak pandai membaca oleh itu mereka tidak dapat membantu saya menelaah pelajaran bahasa Inggeris.	2	11	6	8	3	2.9667	1.2229
12. Dalam keluarga saya tidak seorang pun yang berpelajaran untuk dijadikan panduan.	2	15	9	4	0	2.4667	0.8996
17. Dalam keluarga saya tidak seorang pun yang berpendidikan oleh itu tidak ada tempat saya meminta bantuan dalam memahami pelajaran.	6	7	5	12	0	2.7667	1.1943
22. Ibu bapa saya tidak berpelajaran oleh itu mereka tidak tahu kepentingan pelajaran.	13	11	1	4	1	1.9667	1.1592

Rajah 5 menunjukkan taburan skor responden mengikut faktor pendidikan keluarga. Didapati bahawa 10 orang responden memilih jawapan rendah dan 19 orang responden memilih jawapan sederhana. Seorang sahaja responden yang memilih jawapan tinggi. Ini menunjukkan bahawa responden tidak menganggap dan tidak pasti bahawa latar belakang pendidikan ibu bapa dan ahli-ahli keluarga lain berhubung kait dengan pencapaian mata pelajaran bahasa Inggeris mereka.

**Rajah 5: Taburan Skor Responden Mengikut Faktor Pendidikan Keluarga**

Skor	Bilangan	Peratus
<b>Rendah</b>	<b>10</b>	<b>33.3</b>
<b>Sederhana</b>	<b>19</b>	<b>63.3</b>
<b>Tinggi</b>	<b>1</b>	<b>3.3</b>

#### 4.2.3. Faktor Bimbingan Keluarga

Rajah 6 menunjukkan taburan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai bagi setiap item di bawah faktor bimbingan keluarga dalam soal selidik. Didapati bahawa kebanyakan item mempunyai rata-rata min yang sederhana iaitu berkisar di antara nilai 2.1000 sampai dengan 3.3003. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pilihan responden adalah tidak setuju dan tidak pasti.

**Rajah 6: Taburan Kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai setiap item mengikut faktor bimbingan keluarga**

Item-item	Pilihan					Min	Sisihan piawai
	ATS	TS	TP	S	AS		
3. Saya tidak dapat membuat kerja-kerja sekolah dengan baik kerana tidak mendapat bimbingan daripada keluarga.	6	15	5	4	0	2.2333	0.9353
8. Ibu bapa tidak menyediakan jadual waktu belajar bahasa Inggeris di rumah yang perlu dipatuhi, menyebabkan banyak masa saya terbuang tanpa belajar.	10	12	4	3	1	2.1000	1.0939
13. Ibu bapa tidak menanamkan sikap cintakan pengetahuan dan kemahiran kepada saya, menyebabkan saya kurang berusaha dalam bidang berkenaan.	3	7	7	12	1	3.3003	1.0981
18. Saya tidak mendapat bimbingan daripada keluarga dalam pelajaran bahasa Inggeris yang membantu saya menguasai pelajaran dengan mudah.	6	11	7	6	0	2.4333	1.0400
23. Keluarga tidak memberi ingatan tentang kepentingan pelajaran bahasa Inggeris membuatkan saya kurang berusaha meningkatkan pencapaian pelajaran.	2	5	15	8	0	2.9667	0.8503

Rajah 7 menunjukkan taburan skor responden mengikut faktor bimbingan yang diberikan oleh keluarga. Didapati bahawa kebanyakan iaitu 70 peratus responden memilih jawapan sederhana sedangkan 30 peratus responden yang lain memilih jawapan rendah. Ini menunjukkan bahawa responden tidak menganggap dan tidak pasti bahawa bimbingan keluarga berhubung kait dengan pencapaian mata pelajaran bahasa Inggeris mereka.

**Rajah 7: Taburan Skor Responden Mengikut Faktor Bimbingan Keluarga**

Skor	Bilangan	Peratus
<b>Rendah</b>	<b>9</b>	<b>30</b>
<b>Sederhana</b>	<b>21</b>	<b>70</b>
<b>Tinggi</b>	<b>0</b>	<b>0</b>

## 4.2.4. Faktor Sikap Keluarga

**Rajah 8 menunjukkan taburan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai bagi setiap item di bawah faktor sikap keluarga dalam soal selidik. Didapati bahawa kebanyakan item mempunyai rata-rata min yang sederhana iaitu berkisar di antara nilai 2.1667 sampai dengan 2.8000. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pilihan responden adalah tidak setuju dan tidak pasti.**

**Rajah 8: Taburan Kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai setiap item mengikut faktor sikap keluarga**

Item-item	Pilihan					Min	Sisihan piawai
	ATS	TS	TP	S	AS		
4. Ibu bapa tidak pernah mengambil tahu tentang pelajaran bahasa Inggeris, menyebabkan pencapaian saya tidak memberangsangkan.	4	13	7	6	0	2.5000	0.9738
9. Ibu bapa tidak pernah memuji saya walaupun saya mendapat kejayaan yang cemerlang dalam bahasa Inggeris.	5	11	12	2	0	2.3667	0.8503
14. Ibu bapa tidak memarahi saya walaupun saya tidak hadir ke sekolah tanpa sebab.	11	7	7	4	1	2.1667	1.2888
19. Ibu bapa tidak pernah memberikan galakan kepada saya untuk berusaha mencapai pencapaian yang terbaik dalam pelajaran bahasa Inggeris.	4	10	5	10	1	2.8000	1.1567
24. Ibu bapa tidak memberi semangat jika pencapaian bahasa Inggeris saya tidak memuaskan.	4	9	10	7	0	2.6670	0.9942

**Rajah 9 menunjukkan taburan skor responden mengikut faktor sikap keluarga terhadap pembelajaran responden. Didapati bahawa 11 orang responden memilih jawapan rendah dan 19 orang responden memilih jawapan sederhana. Tiada seorang pun yang memilih jawapan tinggi. Ini menunjukkan bahawa responden tidak menganggap dan tidak pasti bahawa sikap ibu bapa dan ahli-ahli keluarga lain terhadap pembelajaran responden berhubung kait dengan pencapaian mata pelajaran bahasa Inggeris mereka.**

**Rajah 9: Taburan Skor Responden Mengikut Faktor Sikap Keluarga**

Skor	Bilangan	Peratus
<b>Rendah</b>	<b>11</b>	<b>36.7</b>
<b>Sederhana</b>	<b>19</b>	<b>63.3</b>
<b>Tinggi</b>	<b>0</b>	<b>0</b>

## 4.2.5. Faktor Minat Keluarga

**Rajah 10 menunjukkan taburan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai bagi setiap item di bawah faktor minat keluarga dalam soal selidik. Didapati bahawa kebanyakan item mempunyai rata-rata min yang rendah dan sederhana iaitu berkisar di antara nilai 2.6333 sampai**

dengan 2.9667. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pilihan responden adalah tidak setuju dan tidak pasti.

**Rajah 10: Taburan Kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai setiap item mengikut faktor minat keluarga**

Item-item	Pilihan					Min	Sisihan piawai
	ATS	TS	TP	S	AS		
5. Ibu bapa jarang berbincang dengan saya ketika mengulang kaji pelajaran bahasa Inggeris di rumah.	3	15	7	5	0	2.4667	0.8996
10. Ibu bapa jarang memeriksa buku pelajaran bahasa Inggeris saya, menyebabkan saya tidak kisah tentang pelajaran.	5	11	6	6	2	2.6333	1.1885
15. Ibu bapa tidak berminat datang ke sekolah untuk membincangkan kemajuan pelajaran bahasa Inggeris saya walaupun diminta oleh pihak sekolah.	6	8	9	5	2	2.6333	1.1885
20. Ibu bapa tidak pernah berbincang dengan saya bagaimana untuk meningkatkan pencapaian bahasa Inggeris.	3	8	9	8	2	2.9333	1.1121
20. Ibu bapa tidak pernah bertanya tentang kemajuan pelajaran bahasa Inggeris saya.	5	8	4	9	4	2.9667	1.3515

Rajah 11 menunjukkan taburan skor responden mengikut faktor minat keluarga terhadap pembelajaran responden. Didapati bahawa 21 orang responden memilih jawapan sederhana dan 8 orang responden memilih jawapan rendah. Seorang sahaja responden yang memilih jawapan tinggi. Ini menunjukkan bahawa responden tidak menganggap dan tidak pasti bahawa minat ibu bapa dan ahli-ahli keluarga lain terhadap pembelajaran responden berhubung kait dengan pencapaian mata pelajaran bahasa Inggeris mereka.

**Rajah 11: Taburan Skor Responden Mengikut Faktor Minat Keluarga**

Skor	Bilangan	Peratus
<b>Rendah</b>	<b>8</b>	<b>26.7</b>
<b>Sederhana</b>	<b>21</b>	<b>70</b>
<b>Tinggi</b>	<b>1</b>	<b>3.3</b>

Hasil tersebut menunjukkan bahawa faktor-faktor keluarga kurang berkaitan dengan di mana taburan yang banyak berada di tahap sederhana dan rendah. Taburan tersebut menunjukkan bahawa responden tidak menganggap bahawa faktor-faktor keluarga sebagai pengaruh yang kuat kepada pencapaian mata pelajaran bahasa Inggeris mereka.

#### 4.3 KEPUTUSAN INFERENSI

Keputusan inferensi disimpulkan oleh analisis korelasi Pearson. Dalam kajian ini, aras signifikan 0.05 sebagai rujukan untuk menunjukkan perhubungan yang signifikan. Sekiranya aras signifikan,  $p$ , kurang daripada 0.05, ujian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah yang diuji.

**Rajah 12: Korelasi antara faktor-faktor keluarga dan pencapaian**

Faktor-faktor keluarga	N	Korelasi dengan pencapaian bahasa Inggeris, r	Signifikan, p.
<b>Ekonomi</b>	<b>30</b>	<b>0.289</b>	<b>0.122</b>
<b>Pendidikan</b>	<b>30</b>	<b>-0.030</b>	<b>0.874</b>
<b>Bimbingan</b>	<b>30</b>	<b>0.357</b>	<b>0.052</b>
<b>Sikap</b>	<b>30</b>	<b>0.138</b>	<b>0.467</b>
<b>Minat</b>	<b>30</b>	<b>0.416</b>	<b>0.022</b>

*Aras signifikan korelasi, p=0.05*

Rajah 12 menunjukkan korelasi yang dibuat di antara kelima-lima faktor keluarga dengan pencapaian pelajar. Didapati bahawa setiap faktor mempunyai hubungan yang lemah dengan pencapaian. Walau bagaimanapun, minat keluarga terhadap pembelajaran pelajar telah menunjukkan hubungan yang sederhana dengan nilai  $r = 0.416$ . Faktor minat keluarga mempunyai perhubungan signifikan dengan nilai yang lebih rendah daripada aras signifikan korelasi. Maka, faktor minat keluarga menunjukkan perhubungan yang signifikan dengan pencapaian. Faktor-faktor lain termasuk ekonomi, pendidikan, bimbingan dan sikap keluarga menunjukkan hubungan yang lemah dengan pencapaian pelajar. Keempat-empat faktor keluarga tersebut menunjukkan perhubungan dengan nilai yang lebih besar daripada p, maka hubungan di antara faktor-faktor tersebut dengan pencapaian tidak signifikan.

Secara keseluruhan, hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa terdapat hubungan faktor-faktor keluarga dengan pencapaian bahasa Inggeris pelajar. Faktor keluarga yang paling berhubung kait dengan pencapaian adalah minat keluarga dengan pencapaian. Bagaimana keluarga menunjukkan minat kepada pelajaran pelajar akan memberi rangsangan secara positif kepada pembelajaran pelajar. Namun, faktor-faktor keluarga yang lain termasuk ekonomi, bimbingan, pendidikan dan sikap keluarga juga turut mempengaruhi pembelajaran pelajar walaupun hasil kajian menunjukkan hubungan dengan pencapaian adalah lemah.

Sebenarnya, keluarga merupakan faktor yang sangat berpengaruh kepada pembelajaran pelajar. Seperti yang telah disebut oleh Woolfolk (1998) bahawa keadaan sosioekonomi yang diukur jika termasuk faktor-faktor seperti sikap ibu bapa terhadap pendidikan, aspirasi mereka terhadap anak, aktiviti-aktiviti yang merangsang perkembangan intelek dalam keluarga, akan didapati bahawa hubungan antara sosioekonomi dengan pencapaian murid di sekolah adalah kuat.

Daripada hasil kajian ini, minat keluarga adalah faktor yang paling berhubung kait dengan pencapaian pelajar. Sekiranya ibu bapa dapat menunjukkan minat seperti sering berbincang dengan anak-anak mereka tentang pelajaran walaupun tidak secara khususnya harus memberi tunjuk ajar kepada anak mereka dalam isi kandungan mata pelajaran, pelajar akan merasakan pelajarannya diambil perhatian oleh ibu bapa. Secara langsung dan tidak langsung, ibu bapa memindahkan nilai-nilai kehidupan mereka seperti mementingkan pembelajaran dan ilmu pengetahuan kepada anak-anak mereka. Ibu bapa merupakan orang-orang signifikan kepada pelajar yang diidentifikasi oleh pelajar remaja pada masa perkembangan mereka dalam mencari identiti mereka.

Kepentingan keluarga dalam pendidikan memang tidak boleh diabaikan. Oleh itu, kerja sama di antara sekolah dan keluarga amatlah diperlukan jikalau ingin mencapai tujuan dan matlamat pendidikan. Di samping itu, ibu bapa juga harus mengikis fikiran bahawa pelajaran dan pendidikan anak-anak mereka adalah di bawah tanggung jawab penuh guru-guru di sekolah. Akhir-akhir ini, kedudukan di antara guru dan ibu bapa atau penjaga sepertinya dalam keadaan bermusuhan. Fenomena tersebut dapat dilihat dari berita-berita yang kerap tentang pergaduhan di antara guru dan ibu bapa, rayuan dan laporan kepada polis dan lain-lain lagi. Lagi pula, ramai ibu bapa yang mengambil sikap apati terhadap pelajaran anak-anak mereka kerana sibuk dengan pekerjaan mereka. Dengan begitu, jurang di antara keluarga dan sekolah semakin besar dan ia merupakan punca-punca pelbagai masalah disiplin dan akademik di sekolah.

Sebenarnya, pendidikan merupakan peristiwa kekeluargaan kerana semakin besarnya penglibatan keluarga dalam pembelajaran anak-anak, semakin besar pula kemungkinan murid-murid akan



memperoleh kualiti pendidikan yang tinggi. Pihak sekolah dan badan-badan yang lain dapat menganjurkan pelbagai ceramah kepada ibu bapa tentang misalnya: bagaimana berkomunikasi dengan anak, meningkatkan hubungan ibu bapa dan anak, perkembangan anak dan sebagainya. Sementara itu, guru-guru di sekolah juga seharusnya memperoleh latihan teori dan praktikal tentang bagaimana melibatkan ibu bapa dalam program pendidikan sekolah. Dengan adanya usaha dan perhatian dari pelbagai pihak, matlamat dan tujuan pendidikan dapat dicapai dengan lebih berkesan.

Keluarga memainkan peranan yang kritikal dalam pendidikan. Keluarga dapat menentukan kehadiran, bahan-bahan bacaan, membatasi masa menonton TV, mengadakan kegiatan-kegiatan pembelajaran

## Rujukan

Atan Long (1978). **Psikologi Pendidikan**. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia: Kuala Lumpur.

Colombo Plan Staff College. (1984). **Developing Skills in Technician Education Research**. CPSC” Singapore.

George S.Morrison (1998). **Early Childhood Education Today**. New Jersey: Prentice-Hall.

Glenn Myers Blair, R.Stewart Jones dan Ray H. Simpson. Penterjemah Noran Fauzian. (1994). **Psikologi Pendidikan**. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia: Kuala Lumpur.

Grace, Craig J. (1996). **Human Development**. New Jersey : Prentice-Hall.

Jalim bin Haris. (1999). Faktor-faktor Keluarga ke Atas Pencapaian Pelajaran dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup di daerah Keningau, Sabah. **Projek Sarjana Muda**. UTM, Skudai.

Koh Boh Boon. (1982).**Asas Pedagogi**. Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur.

Mokhtar Bin Yosof. (1994). Pengaruh Status Sosioekonomi Keluarga Terhadap Pencapaian Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Pelajar di Lima Buah Sekolah dalam Jajahan Tanah Merah dan Jajahan Jeli. Satu Tinjauan. **Projek Sarjana Muda**. UTM, Skudai.

Slavin, Robert E. (1997). **Educational Psychology : Theory and Practice**” 5<sup>th</sup> ed. Allyn and Bacon: Boston.

Tey Kien Huat (1998). Pengaruh Latar Belakang Keluarga dan Minat Terhadap Penglibatan Pelajar dalam Kelab Komputer. **Projek Sarjana Muda** yang tidak diterbitkan. UTM: Johor Bahru.

Wong Ying Peng (1998). Hubungan di Antara Pencapaian Pelajar dalam Matapelajaran Matematik Dengan Sikap Pelajar dan Faktor-faktor Permasalahan Pembelajaran Matematik – Satu Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota, Melaka. **Tesis Sarjana** yang tidak diterbitkan. UTM: Johor Bahru.

Woolfolk, Anita E. (1998) 7<sup>th</sup> ed. **Educational Psychology**. Allyn and Bacon : London.

Wylie Ruth C., Peggy J.Miller etc. **The Self-Concept.Theory and Research on Selected Topics**. Volume Two. University of Nebraska Press : Lincoln/London